



"HARGAI PERJUANGAN PAHLAWAN NEGARA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَا مَعْبُودَ سِوَاهُ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، بَعَثَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ، وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ دَعَى بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	4
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	5
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya insan yang paling mulia di sisi Allah adalah mereka yang paling tinggi takwa-Nya. Mudah-mudahan dengan menjalani kehidupan berteraskan kepada ketakwaan, kehidupan di dunia ini akan sentiasa dinaungi dengan kesejahteraan.</p>	6
<p>Khutbah pada hari ini adalah bertajuk "HARGAI PERJUANGAN PAHLAWAN NEGARA."</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	7

¹ Ali Imran : 169.



<p>Hari Pahlawan adalah merupakan hari bagi mengingati jasa dan pengorbanan para pahlawan yang telah banyak berkorban kepada negara dan tanahair. Ini adalah merupakan tanda penghargaan seluruh rakyat atas perjuangan para pahlawan kita, kerana memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Tanpa keberanian para pahlawan yang sanggup menggadai diri dan nyawa, maka kita tidak akan dapat menikmati keadaan aman dan sejahtera seperti hari ini. Sebenarnya menjadi seorang pahlawan bukan terhasil dengan sekelip mata sahaja. Sudah tentu ia dibina daripada kesedaran dan keyakinan serta keberanian bagi menempuh segala cabaran. Seseorang pahlawan bakal berdepan dengan bermacam-macam cabaran, bukan sahaja cabaran dari sudut luaran bahkan sehingga boleh mencabar maruah dan diri setiap pahlawan. Pahlawan yang ikhlas dalam perjuangannya terutama dalam menegakkan Agama islam, disisi Allah mereka hidup dan diberi ganjaran yang berterusan.</p>	8
<p>Ini adalah keyakinan kita sepertimana yang dijelaskan melalui firman Allah dalam surah al-Imran ayat 169 yang bermaksud:</p> <p><i>“Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.”</i></p>	9
<p>Begitulah tingginya martabat seorang pahlawan yang diberikan Allah kepada mereka atas pengorbanan dan perjuangan dalam mengangkat martabat Islam. Oleh kerana perjuangan yang dilakukan walau sesaat atas dasar agama akan diganjar Allah dengan pahala seisi dunia dan apa yang ada di atasnya</p>	10
<p>Ini dijelaskan dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Sahl Ibn Said al-Sa’idi Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا</p> <p><i>“Berjuang di jalan Allah satu hari, lebih baik daripada dunia dan apa yang ada di atasnya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Bukhari).</i></p>	11



<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Nikmat keamanan yang dinikmati pada hari ini tidak akan dapat diraih dengan mudah tanpa pengorbanan dan perjuangan para pahlawan. Jika kita telusuri sejarah perjuangan mempertahankan maruah negara, ia adalah suatu pengorbanan yang tidak mampu dibayar dengan wang ringgit. Begitulah tingginya nilai perjuangan para pahlawan sebelum ini yang dilatih dengan semangat dan jiwa kental dalam mempertahankan keamanan negara dan rakyat.</p>	12
<p>Justeru, disebalik nikmat keamanan ini, sebagai rakyat kita tidak seharusnya lupa untuk sama-sama mempertahankan kedaulatan Negara. Bersiap siaga mempertahankan nikmat keamanan daripada diganggu gugat oleh anasir yang boleh merosakkannya. Sikap mengadu domba, menghina para pejuang agama serta membawa anasir songsang ke dalam negara wajiblah ditolak kerana ianya menjadi punca kepada kerosakan dalam negara. Pepatah melayu menyebut "umpama kacang lupakan kulit" sememangnya wajar dihayati dan difahami kerana tidak wajar setiap daripada kita melupakan jasa dan pengorbanan para pejuang terdahulu.</p>	13
<p>Sejak Islam diutuskan melalui Nabi Muhammad SAW, bukan sedikit jumlah pejuang dan pahlawan-pahlawan Islam yang sanggup mengorbankan diri mereka, demi mempertahankan kesucian agama tercinta ini. Mereka meletakkan kepentingan agama melebihi daripada segala-galanya terutama untuk kepentingan diri, demi menegakkan agama Allah SWT. Nama-nama agung seperti Sayidina Hamzah, Mus'ab bin Umair, Abu Ubaidah bin Al-Jarrah, Khalid bin Al-Walid, Saad bin Abi Waqqas, Jaafar bin Abi Talib dan ramai lagi. Mereka ini adalah pejuang tulen dalam mempertahankan kesucian Islam dan sanggup berkorban demi Agama Islam.</p>	14
<p>Pahlawan yang hebat adalah mereka yang berpegang kepada ajaran Islam dalam memperjuangkan kebenaran sebagaimana tokoh-tokoh pahlawan Islam yang unggul pada zaman kegemilangan Islam. Begitu juga para pahlawan kita yang terdiri daripada ulama-ulama masyhur seperti Abd Rahman Limbong, Tok Janggut, Mat Kilau bahkan ramai lagi yang telah terkorban menggadaikan nyawa dan diri mereka demi perjuangan Islam. Bahkan ramai juga para pejuang negara terkorban yang nama mereka tidak dikenali. Moga-moga roh mereka diganjari Allah dengan pahala yang berterusan.</p>	15



<p>Apa yang lebih utama pada hari ini adalah setiap pejuang dan para pahlawan tanahair sewajarnya menggendong kukuh pedoman sunnah Rasul SAW demi mendapatkan keredhaan Allah SWT.</p>	16
<p>Inilah bayaran yang diberikan bagi mendapatkan Syurga Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 111 yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.”</i></p>	17
<p>Muslimin yang dimuliakan,</p> <p>Perjuangan pahlawan dalam mempertahankan keamanan adalah sangat suci. Oleh itu semangat perjuangan generasi lalu mestilah ditiup ke dalam setiap jiwa generasi hari ini. Anak-anak muda mestilah digerakkan supaya bangkit menyambung perjuangan dan menghargai sumbangan generasi lalu. Terdapat sesetengah masyarakat kita yang lupa terhadap sumbangan para pahlawan malah tidak memahami akan sumbangan mereka yang lampau. Oleh kerana itu generasi muda hari ini harus dididik memahami akan sejarah perjuangan dan bagaimana sumbangan pahlawan yang telah diberikan dan hasilnya dinikmati pada hari ini.</p>	18
<p>Harus diingat bahawa perjuangan pahlawan pada hari ini bukan sahaja kemampuan berdepan dengan peperangan. Namun apa yang wajib dididik adalah semangat berkorban, keberanian diri kemampuan ilmu dalam mendepani cabaran semasa. Oleh itu menghargai sumbangan para pahlawan lampau adalah suatu usaha penting dalam melahirkan masyarakat yang sedar dan bertanggungjawab bagaimana mendepani masa hadapan. Tanpa kesedaran ini generasi kita tidak akan berupaya berhadapan dengan cabaran akan datang.</p>	19



Sesungguhnya, dalam kerangka perjuangan yang agung bagi mengangkat kekuatan Islam demi mendapat rahmat dan kasih sayang Allah, para pejuang yang tulen semestinya sentiasa dekat jiwanya dengan Allah.	20
Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 218: <p style="text-align: center;">إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَتَىٰكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ</p> 	21
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p> <p>Hadirin sekalian,</p>	22
<p>Kasih dan sayang kepada pahlawan bukanlah semata-mata menilai dari sudut batang tubuh insan semata-mata tetapi meletakkan diri menghargai jasa dan pengorbanan yang telah diberikan. Umum mengetahui bahawa keamanan dan kesejahteraan pada hari ini adalah sumbangan generasi pada masa dahulu. Jika generasi terdahulu tidak berkorban masa, wang ringgit dan nyawa mereka, sudah tentu keamanan dan ketenangan tidak akan dapat dinikmati pada hari ini. Maka bersyukurlah kita sebagai warga negara yang telah dikurniakan pahlawan yang sanggup menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan negara.</p>	23
<p>Pun begitu kita sebagai rakyat dalam negara berdaulat ini wajar untuk mengambil iktibar dan melakukan usaha sebaiknya mengenali tokoh-tokoh perjuangan kita pada hari ini yang sedang berjuang untuk kesejahteraan negara. Dalam era kemajuan hari ini cabaran yang akan dihadapi sudah tentu berbeza jika dibandingkan dengan zaman dahulu, namun apa yang penting adalah usaha meningkatkan kesedaran dan usaha mempertahankan keamanan dan bersama-sama berjuang untuk kesejahteraan rakyat dan Negara demi menegakkan syiar Islam dalam Negara yang tercinta ini.</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p>	24



<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada apa yang telah disampaikan. Antaranya adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajiblah yakin bahawa mempertahankan agama dan negara adalah suatu kewajipan menurut syarak.2. Umat Islam hendaklah menghargai jasa dan pengorbanan pahlawan lampau melalui usaha dengan menjadi warga negara yang baik, berintegriti, amanah dan bertanggungjawab demi keamanan dan keharmonian.3. Umat islam hendaklah sentiasa mendoakan agar perjuangan para pahlawan lampau diterima oleh Allah SWT dengan ganjaran yang diberkati dan berpanjangan.	25
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مَنْ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾</p>	26
<p><i>"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."</i></p> <p>(al-aAhzab : 23)</p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تغکو امیر شاه ابنالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15